

# Anak Orang Asli buktikan mampu genggam ijazah

GONG BADAK -

Status anak Orang Asli bukan batu penghalang bagi dua pelajar Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) untuk mencorak kecemerlangan sehingga berjaya memperoleh se-

gulung ijazah.

Wah Tiza Uda, 24 dan Roshanila Hong Chiang, 23, masing-masing menerima ijazah sarjana muda masing-masing bersempena Majlis Konvoikesyen Unisza.

Wah Tiza merupakangraduan jurusan sains komputer, manakala Roshanila pula merupakan graduan dalam jurusan perakaunan dan ijazah kedu-duanya disampaikan oleh Pro Canselor Unisza, Tan Sri Datuk Dr Mohamad Yusof.

Ketika ditemui, Wah Tiza menyatakan kegembiraan dan berbangga dengan kejayaan diperoleh yang sekali gus membuktikan anak Orang Asli juga mampu me-

lakar kejayaan dalam akademik.

"Sepanjang mengikuti pengajian di Unisza, saya tak pernah disiskikan oleh rakan-rakan dan pensyarah, malahan hubungan kami cukup rapat dan mereka banyak membantu sepanjang saya berada di universiti ini.

"Lebih mengembirakan apabila saya berjaya menamatkan pengajian dengan gred 3.65. Selepas ini saya berhasrat menyambung pelajar di peringkat sarjana kerana cita-cita saya adalah untuk menjadi seorang pensyarah," katanya

gadis Suku Semai yang berasal dari Batang Padang, Perak itu.

Roshanila pula menyifatkan ijazah sarjana muda diterimanya cukup bermakna kerana dia merupakan pelajar kedua dalam kalangan penduduk di perkampungannya yang berjaya melangkah ke menara gading.

Gadis Suku Jakun dari

Muadzam Shah, Pahang, itu memberitahu, saudaranya merupakan inspirasi kerana kejayaannya melanjutkan pelajaran ke peringkat universiti dan dia sendiri begitu teruja untuk mengikuti jejak langkah tersebut.

"Saya gembira kerja berjaya masuk ke program matrikulasi, seterusnya menyambung pelajaran di peringkat ijazah sarjana muda di Unisza. Saya harap saudara-saudara saya yang lain di perkampungan kami turut memasang cita-cita untuk ke universiti."

"Pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) juga sentiasa membantu pelajar-pelajar datipada masyarakat Orang Asli untuk melanjutkan pelajaran terutama dari sudut kewangan," katanya yang kini bekerja di sebuah syarikat swasta sebagai eksekutif akaun/cukai.



Wah Tiza (kanan) dan Roshanila bersama ijazah masing-masing.